



Dokter memeriksa mayat empat kanak-kanak ahli keluarga al-Dallu, mangsa serangan Israel di Gaza manakala gambar kanan penduduk Palestin menguruskan jenazah mereka untuk dikebumikan, semalam. [AP]

Israel terus mengganas



» 8 sekeluarga Palestin antara 29 korban terbaru serangan Yahudi

► Gaza

“Mereka kata Mohammed masih hidup!” jerit Khalil al-Dallu ketika penyelamat menarik mayat seorang pemuda dari sebuah kediaman musnah dek serangan udara Israel.

Seramai 29 lagi penduduk Gaza maut lewat kelmarin hingga semalam ketika operasi Israel masuk hari ke-6 yang digelar ‘Pillar of Defence’ (Operasi Tunjang Pertahanan).

Air mata mengalir

Khalil mengalirkan air mata apabila dimaklumkan bahawa sepunya itu antara enam ahli keluarga al-Dallu yang maut selepas peluru berpandu Israel menggempakan kawasan kejiranan Nasser, meruntuhkan kediaman tiga tingkat mereka.

“Keluarga kami syahid!” tangis beliau ketika mayat Mohammed al-Dallu dimasukkan ke dalam ambulans.

“Apa dosa kanak-kanak dan bayi ini, Israel?” jerit beliau. Sebelas mayat ditarik dari runtuhannya itu dan kawasan sekitar.

Mayat isteri Mohammed, Suheila juga ditemui selain lima anak mereka, Jamal, Sara, Yussef, Ranin dan Ibrahim.

Mayat seorang wanita lain yang juga ahli keluarganya turut ditarik keluar. Serangan turut membunuh dua lagi jiran mereka dari keluarga Muzzana iaitu Amina Mattar, 83 dan Abdullah Mohammed, 22.

Bapa Mohammed, Jamal dan anak lelakinya, Abdullah, 17, terselamat. Ketika serangan mereka keluar membeli makanan.

Jamal sekadar mampu bersandar pada tiang elektrik sambil saudaranya memenuhi kawasan sekitar ketika cebisan mayat cucunya dikutip di kawasan yang pernah menjadi kediaman mereka.

Dalam keadaan yang hampir histeria kerana terlalu marah dan sedih, Ibrahim menjerit: “Jangan beritahu abangnya Abdullah. Trauma akan membunuhnya!” Abdullah, 26 pada masa ini be-



Penduduk melihat kemusnahan rumah keluarga al-Dallu selepas jet Israel melancarkan peluru berpandu.

lajar di Turki dalam bidang perubatan.

Fatah, Hamas bersatu

Di Ramallah, pergerakan Fatah dan Hamas memutuskan untuk bersatu ketika krisis berlangsung di Gaza.

“Sesiapa yang kata kami tidak

bersepakat adalah penjenayah mulai hari ini,” kata pemimpin kanan Hamas, Mahmud al-Ramahi ketika 1,000 orang berhimpun membantah keganasan Yahudi.

“Mulai sekarang, kami umumkan tiada lagi perpecahan,” kata pegawai kanan Fatah, Jibril Rajoub.

AFP